



# PROTON terima dana RM13.9b sejak 1983

BH  
214116  
ms 6

strategi untuk meningkatkan eksport mereka.

Dasar Automotif Nasional 2009 dengan jelas menggariskan bahawa PROTON harus menjalin kerjasama strategik dengan syarikat asing. Industri automotif adalah satu industri yang memerlukan modal yang besar bagi tujuan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) dan pengeluaran berskala besar. Bagaimanapun, PROTON tidak memiliki kedua-duanya.

PROTON pada ketika ini berdepan dengan situasi yang mencabar. Penguasaan pasaran mereka yang pada satu ketika dahulu berada pada 74 peratus pada 1993, kini merosot kepada 15 peratus.

Kerajaan telah memperuntukkan bantuan kepada PROTON dalam bentuk geran, pelbagai bentuk bantuan lain serta cukai yang tidak dikutip berjumlah RM13.9 bilion, sejak ia ditubuhkan pada tahun 1983. MITI dan pihak pengurusan kanan PROTON telah membincangkan hala tuju PROTON secara lebih terperinci sejak enam bulan kebelakangan ini.

Pihak pengurusan PROTON juga telah membentangkan beberapa kertas cadangan kepada Majlis Ekonomi yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

ban mereka. Namun begitu, saya masih dimaklumkan bahawa beberapa syarikat vendor akan berdepan masalah sekiranya PROTON terus beroperasi pada kadar pengeluaran dan jualan yang sama. Ada di antara mereka yang dijangka terpaksa menghentikan operasi dalam masa tiga atau empat bulan akan datang.

Menyedari hakikat ini, kerajaan beranggapan bahawa model perniagaan yang diguna pakai PROTON ketika ini tidak mampu bertahan lama. Kerajaan pada ketika ini dalam proses menilai permohonan PROTON bagi mendapatkan bantuan dalam bentuk geran dan pinjaman mudah. Permohonan ini perlu diperhalusi kerana ia membabitkan sejumlah besar wang rakyat.

Kerajaan harus berbelanja lebih cermat di saat pendapatan negara semakin berkurangan akibat kejatuhan harga minyak dan barangan komoditi.

Namun, saya ingin memberi jaminan kepada para pekerja, vendor dan ekosistem PROTON bahawa kepentingan mereka akan diambil kira sebelum kerajaan mengambil keputusan mengenai permohonan syarikat terbabit.

Sekiranya bantuan ini diberikan, ia akan bergantung terhadap kemampuan PROTON untuk me-

## » Kerajaan kaji beri bantuan tambahan, mesti patuhi beberapa syarat

Oleh Rohaniza Idris,  
Petah Wazzan Iskandar,  
Hazwan Faisal Mohamad  
dan Mohd Nasaruddin Parzi  
bhnews@bh.com.my

Sejak penubuhan Perusahaan Otomobil Nasional Sdn Bhd (PROTON) pada 1983, kerajaan sudah menyalurkan geran, pelbagai bentuk bantuan kerajaan lain dan cukai tidak dikutip berjumlah RM13.9 bilion.

Namun, selepas kira-kira 33 tahun, projek kereta nasional itu masih berdepan masalah dan baru-baru ini mengemukakan permohonan bagi mendapatkan bantuan dalam bentuk geran dan pinjaman mudah.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed, berkata kerajaan perlu memperhalusi permohonan itu kerana ia membatik sejumlah besar wang rakyat, tetapi memberi jaminan apa juga keputusan diambil akan mengambil kira kepentingan pekerja, vendor serta ekosistem PROTON.

Beliau berkata, kerajaan beranggapan model perniagaan sedia ada PROTON tidak mampu bertahan, justeru jika bantuan diberikan, ia akan bergantung kepada keupayaan syarikat itu memenuhi beberapa syarat, termasuk mengenal pasti rakan strategik asing, harus diuruskan

Kami berharap supaya Pengerusi serta Pengurusan Kanan PROTON yang baharu dapat membantu usaha merealisasikan potensi yang ada ke arah masa hadapan yang lebih cerah buat syarikat"

**Mustapa Mohamed,**  
Menteri Perdagangan  
Antarabangsa dan Industri



secara profesional, tidak ada sebarang campur tangan dalam operasi syarikat serta langkah tegas tetapi perlu mesti dilaksanakan bagi kepentingan jangka panjangnya.

### Berikut adalah kenyataan penuh Mustapa:

Keputusan yang diambil oleh kerajaan untuk membabitkan diri dalam industri berat, termasuklah automotif pada pertengahan 1980-an adalah satu tindakan yang berani. Namun, kerajaan tidak dapat memberi perlindungan kepada industri ini untuk selama-lamanya.

Negara lain seperti Jepun dan Korea Selatan juga telah melaksanakan mekanisme perlindungan bagi industri automotif masing-masing, namun ia hanya bersifat sementara dan kemudiannya dihapuskan.

Begitu juga dengan PROTON, yang juga adalah projek kereta nasional, atau mana-mana syarikat lain, kerajaan tidak boleh terus memberi perlindungan kepada mereka selama-lamanya.

Sejak saya memikul tanggungjawab selaku Menteri MITI pada tahun 2009, pihak Pengurusan Kanan PROTON telah memberi taklimat mengenai isu dan cabaran yang dihadapi mereka dari semasa ke semasa. Saya juga telah bertemu dengan pihak pengurusan dan memegang-pemegang saham PROTON yang dahulu dan sekarang.

Pada tahun 2009, PROTON membentangkan pelan penstrukturan semula mereka yang bertujuan untuk meningkatkan kualiti kereta, merencanakan lagi eksport dan menjadikan Malaysia sebagai hab bagi industri automotif di rantau ini.

Susulan pengambilalihan PROTON oleh DRB-Hicom Bhd pada 2012, pemilik syarikat yang baharu juga bertemu dengan saya dan berkongsi pelan penstrukturan mereka untuk menjadikan PROTON lebih kompetitif dan

Pandangan MITI berkenaan keadaan semasa yang dihadapi oleh PROTON adalah seperti berikut:

i. Dalam konteks global, PROTON adalah sebuah syarikat kecil dan tidak mampu untuk bersaing dengan syarikat asing melainkan mereka dapat meningkatkan jumlah eksport yang besar.

ii. Proton juga menghadapi masalah di mana aset mereka tidak diguna pakai sepenuhnya. Ketika ini syarikat memiliki dua pusat pengeluaran yang beroperasi pada kadar 35 peratus dari tahap optimum. Keputusan untuk membuka dua pusat pengeluaran mungkin adalah satu kesilapan lampau syarikat.

iii. Kira-kira tiga tahun lalu, PROTON hampir menjalinkan kerjasama dengan syarikat automotif asing terkemuka, namun mereka menarik diri pada saat akhir. Sekiranya kerjasama ini terjalin dan berjalan lancar, PROTON kini mungkin berada pada kedudukan yang lebih baik.

Malaysia kini memiliki dua kereta nasional iaitu PROTON dan Perusahaan Otomobil Nasional Kedua Sdn Bhd (PERODUA). PERODUA memiliki model perniagaan yang lebih mapan. Perodua Manufacturing, yang dimiliki sebanyak 49 peratus oleh pemegang saham Malaysia termasuklah Permodalan Nasional Bhd (PNB), telah menjalinkan kerjasama strategik dengan Daihatsu dan Toyota dan berjaya mencatatkan keuntungan.

Tahun lalu, banyak syarikat vendor PROTON datang berjumpa dengan saya dan berkongsi masalah yang mereka hadapi. Susulan pertemuan ini MITI telah mengambil langkah serta-merta dengan memperuntukkan sejumlah RM100 juta sebagai pinjaman mudah untuk meringankan be-

keupayaan PROTON untuk memenuhi beberapa syarat, termasuklah:

i. PROTON harus segera mengenal pasti rakan asing strategik

ii. Syarikat ini harus diuruskan secara profesional

iii. Tidak ada sebarang campur tangan di dalam operasi syarikat


iv. Langkah-langkah yang tegas tetapi perlu mestilah dilaksanakan bagi kepentingan jangka-masa panjang PROTON.

Saya telah dimaklumkan bahawa terdapat beberapa ketika di mana PROTON dilihat bersikap tidak profesional dalam membuat keputusan. Sementara kerajaan mempertimbangkan permohonan bagi bantuan kewangan untuk PROTON, adalah penting untuk mereka mengetengahkan barisan kepimpinan baharu yang cekap di dalam syarikat.

Kami mengambil maklum keputusan Tun Dr Mahathir Mohamad untuk melepaskan jawatan beliau selaku Pengerusi PROTON. Walaupun, kita mengiktiraf sumbangan Tun Mahathir sepanjang beliau berkhidmat sebagai Pengerusi PROTON, kita tidak boleh mengabaikan masalah yang dihadapi serta ketidakupayaan syarikat untuk mengukuhkan kedudukan kewangannya.

Kami berharap supaya Pengerusi serta Pengurusan Kanan PROTON yang baharu dapat membantu usaha merealisasikan potensi yang ada ke arah masa hadapan yang lebih cerah buat syarikat.

Kerajaan terus komited dalam usaha memastikan pembangunan serta pertumbuhan industri automotif tempatan yang bertenagai, termasuk transformasi PROTON dan seluruh ekosistemnya.



# Perjalanan berliku 30 tahun

B14  
214116  
mls 7



## Sejarah PROTON

- Perusahaan Otomobil Nasional Sdn Bhd (PROTON) ditubuhkan pada 7 Mei 1983.
- Ibu pejabat di Shah Alam.
- Jumlah jualan domestik dari 1985-2015: 3.76 juta unit.
- Pasaran eksport: United Kingdom, Australia, Singapura, Thailand dan Jerman.
- Jumlah jualan eksport dari 1985-2015: 400,000 unit.

» Pelbagai cabaran ditempuhi sejak penubuhan pada 1983

rut terkesan pada 1997 hingga 1999.

Namun, pada 2000, PROTON mengeluarkan prototaip enjin CamPro di kilang Lotus di Norwich, UK.

Tahun yang sama, Waja dilancarkan pada Ogos menjadi kereta pertama yang tidak bergantung kepada reka bentuk kereta lain, sebaliknya dihasilkan sendiri anak tempatan.

Enjin CamPro menjadi permulaan kepada PROTON menceburi industri pembuatan enjin dengan kuasa yang baik serta memenuhi standard pelepasan yang lebih baharu.

Model pertama yang menggabungkan enjin CamPro adalah Gen 2 yang dilancarkan pada tahun 2004.

Pada Julai 2004, PROTON membeli kepentingan 57.57 peratus dalam syarikat MV Augusta S.p.A Itali, bernilai €70 juta.

PROTON gagal untuk membalikkan musibah MV Augusta dan dijual kepada Gevi S.p.A pada Disember 2005 dengan harga €1.

Pada 2008, varian enjin CamPro, CPS dan IAFM diperkenalkan dan Waja dan Face-Lift Gen2 dikeluarkan.

PROTON melangkah setapak ke hadapan dengan memperkenalkan kenderaan MPV Exora pada 2009.

Perusahaan Otomobil Nasional Sdn Bhd (PROTON) diperbadankan pada 7 Mei 1983 dengan modal berbayar sebanyak RM150 juta, pengeluaran kereta nasional pertama Malaysia.

Perdana Menteri Keempat, Tun Dr Mahathir Mohamad mengilhamkan cadangan penubuhan syarikat itu selaras dengan aspirasi untuk menjadikan Malaysia negara perindustrian.

Idea penubuhannya dicetuskan sejak 1979 lagi oleh Dr Mahathir dan pada 1982, Kabinet meluluskan Projek Kereta Nasional berkenaan.

Bertitik tolak daripada itu, maka pada 9 Julai 1985 dengan rasminya kereta nasional pertama diperkenalkan dikenali sebagai Saga dan Singapura menjadi negara pertama mengimport kereta berkenaan.

Pada 1986, PROTON meraikan kejayaan mengeluarkan 10,000 kereta berjaya dijual dalam tem-



1985  
PROTON Saga 1.5l



1987  
PROTON Saga Iswara



1993  
PROTON Wira



1995  
PROTON Satria



1995  
PROTON Perdana



1999  
PROTON Tiara



2000  
PROTON Waja



2001  
PROTON Juara



2002  
PROTON Arena



2004  
PROTON GEN2



2005  
PROTON Savvy



2006  
PROTON Satria Neo

diperkenalkan.

### **Diedarkan ke UK**

Tahun berikutnya PROTON di- edarkan ke United Kingdom (UK), dan pada tahun sama kereta PRO- TON ke satu juta dikeluarkan.

Mengikuti perkembangan se- masa ekonomi negara yang me- ngalami kegawatan PROTON tu-

lah dianugerahkan Best E-REV Kenderaan.

Pada tahun berikutnya, Exora REEV diumumkan sebagai pe- menang bersama dengan 2012 Toyota Prius plug-in hybrid pet- rol sebagai Terbaik Keseluru- han Extender Range/Plug-in kenderaan hibrid dan The Most Energy Efficient Multi-Purpose

Car-Prototype.

Pada tahun 2012, PROTON memperkenalkan varian turbo enjin CamPro yang; enjin serba baharu 1.6 liter Campro Charge Fuel Efficiency (CFE) dengan pres- tasi setanding dengan enjin 2 li-

ter. Enjin CFE mula diperkenal- kan pada model Exora Bold dan Exora Prime.

Dengan keazaman untuk me- nguasai pasaran antarabangsa, PROTON memperkenalkan Prevé digelar sebagai kereta global per-

tama PROTON pada tahun 2012.

Pada Februari 2013, Prevé men- capai Program Penilaian Kereta Baru Program (ANCAP) dengan mendapat penarafan Lima Bin- tang Australasian Safety, yang pertama diperolehi PROTON.